



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 25 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	7 BERANAK CATU MAKAN SEJAK SEMINGGU LALU	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1023158/7-beranak-catu-makan-sejak-seminggu-lalu	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	BANJIR KILAT: 50 MANGSA DIPINDAHKAN KE SEBUAH PPS DI HILIR PERAK	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-kilat-50-mangsa-dipindahkan-ke-sebuah-pps-di-hilir-perak-443087	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	IBU TUNGGAL TERPAKSA BERHENTI MENOREH URUS ANAK LUMPUH	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-tunggal-terpaksa-berhenti-menoreh-urus-anak-lumpuh-443084	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/631070/edisi/kelantan/ibu-tunggal-terpaksa-berhenti-menoreh-urus-anak-lumpuh	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PENERIMAAN PENDUDUK RUMAH PANJANG TERHADAP CALON GPS BEGITU BAIK	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/24/penerimaan-penduduk-rumah-panjang-terhadap-calon-gps-begitu-baik	UTUSANBORNEO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	RUMAH TRANSIT DISEDIA UNTUK 34 MANGSA KEBAKARAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1168888/rumah-transit-disedia-untuk-34-mangsa-kebakaran	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	LEBIH 36,000 AHLI TAWAS TERIMA BANTUAN MASUK SEKOLAH DISEMBER INI	
	https://selangorkini.my/2023/10/lebih-36000-ahli-tawas-terima-bantuan-masuk-sekolah-disember-ini/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	YAYASAN ALUMNI MBM TERIMA DANA PERMULAAN RM1 JUTA – ANWAR	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/yayasan-alumni-mbm-terima-dana-permulaan-rm1-juta-anwar/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	WOMEN UNDERREPRESENTED IN MALAYSIA’S PRIVATE SECTOR	
	https://hrmasia.com/malysias-private-sector-underrepresented-in-female-leadership-roles/	HRMASIA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	RM3 MIL TO ASSIST MARGINALISED COMMUNITIES LAUNCHED	
	https://theedgemaalaysia.com/article/rm3-mil-assist-marginalised-communities-launched	THEEDGEMALAYSIA.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	DUDA DIDAKWA BUNUH ANAK KEKASIH BERUSIA 2 TAHUN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/duda-didakwa-bunuh-anak-kekasih-berusia-2-tahun-443102	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1023137/duda-didakwa-bunuh-anak-teman-wanita	UTUSAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/lelaki-didakwa-bunuh-anak-teman-wanita/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	PESARA WANITA RUGI RM127,560 DIPERDAYA SINDIKET PHONE SCAM	
	https://malaysiagazette.com/2023/10/24/pesara-wanita-rugi-rm127560-diperdaya-sindiket-phone-scam/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/24/pesara-wanita-rugi-lebih-rm100000-ditipu-phone-scam/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/pesara-wanita-rugi-lebih-rm100000-ditipu-phone-scam/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	SEMAKIN RAMAI WANITA MUDA KENA KANSER	
	https://www.utusan.com.my/gaya/2023/10/semakin-ramai-wanita-muda-kena-kanser/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	BELANJAWAN 2024 MESRA PELAJAR MISKIN, OKU	
	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/10/belanjawan-2024-mesra-pelajar-miskin-oku/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	IBU BAPA MENINGGAL DUNIA, GRADUAN OKU DITEMANI RAKAN RAI KEJAYAAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/631117/edisi/terengganu/ibu-bapa-meninggal-dunia-graduan-oku-ditemani-rakan-rai-kejayaan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	'JIKA BAH LAGI, LANTAI RUMAH INI AKAN RUNTUH'	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/24/jika-bah-lagi-lantai-rumah-ini-akan-runtuh/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	KEMENTERIAN PENDIDIKAN KOMITED TANGANI ISU KESALAHAN SEKSUAL - FADHLINA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kementerian-pendidikan-komited-tangani-isu-kesalahan-seksual-fadhlna-443128	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/garis-panduan-gangguan-seksual-dijamin-jaga-keselamatan-pelajar/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/631131/berita/nasional/kpm-komited-tangani-isu-berkaitan-kesalahan-seksual---fadhlna	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/kpm-komited-usaha-pencegahan-penderaan-seksual-kanak-kanak-fadhlna/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	NUR-UL AFIDA WANITA PERTAMA DILANTIK KETUA PENGARANG BERNAMA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1168931/nur-ul-afida-wanita-pertama-dilantik-ketua-pengarang-bernama	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2237994	BERNAMA.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	MAYAT WANITA DITEMUKAN TERAPUNG DALAM KOLAM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-wanita-ditemukan-terapung-dalam-kolam-443185	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/mayat-wanita-ditemukan-terapung-dalam-kolam/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/24/mayat-wanita-ditemui-terapung-di-kolam-tasek-gelugor/	KOSMO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/10/24/mayat-wanita-ditemui-terapung-dalam-kolam/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/631190/berita/semasa/mayat-wanita-ditemui-terapung	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/disangka-bangkai-binatang-rupanya-mayat-wanita/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	WANITA MENGGIGIL DIEKORI, DIRAKAM LELAKI OBSES IBU MENGANDUNG	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/24/wanita-menggigil-diekori-dirakam-lelaki-obses-ibu-mengandung/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	KANAK-KANAK 4 TAHUN MATI LEMAS DI TALI AIR	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/24/kanak-kanak-4-tahun-mati-lemas-di-tali-air/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/kanak-kanak-empat-tahun-lemas-dalam-tali-air/	UTUSAN.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	WANITA MILIKI ROKOK SELUDUP DIPENJARA DUA MINGGU	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/24/wanita-miliki-rokok-seludup-dipenjara-dua-minggu	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	PANTAU AGENDA REFORMASI: MEMPERKASA PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DALAM JENAYAH SEKSUAL	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/pantau-agenda-reformasi-memperkasa-perlindungan-kanak-kanak-dalam-jenayah-seksual-x8p24uz	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=EKobeuQ7ZF4	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
23	APABILA ANAK PENGIDAP DIABETES	
	https://malaysiagazette.com/2023/10/24/apabila-anak-pengidap-diabetes/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
24	KPM KOMITED TANGANI ISU BERKAITAN KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK	
	https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/30717-kpm-komited-tangani-isu-berkaitan-kesalahan-seksual-terhadap-kanak-kanak	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/24/kpm-serius-tangani-kes-jenayah-seksual-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1168880/kpm-mahu-noktahkan-isu-gangguan-seksual-di-institusinya	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

25/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
25	MESYUARAT BINCANG IMPLEMENTASI KLAUSA SEKSYEN 19 AKTA 792	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mesyuarat-bincang- implementasi-klausu-seksyen-19-akta-792-443190	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
26	IBU BAPA REBUT PELUANG BUKA TABUNGAN PENDIDIKAN ANAK	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1168784/ibu- bapa-rebut-peluang-buka-tabungan-pendidikan-anak	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	RAKAN MAUT GARA-GARA BMW DIPANDU MELULU	
	https://www.sinarharian.com.my/article/631214/berita/semasa/rakan- maut-gara-gara-bmw-dipandu-melulu	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
28	PESARA KENA 'SCAM' RM127,000	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1168747/pesara- kena-scam-rm127000	BHARIAN.COM.MY



TAJUK :	KPM SUDAH SEDIA GARIS PANDUAN URUS GANGGUAN SEKSUAL		
HARI :	RABU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	25 OKT 2023	M/SURAT :	06
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Akta 792

KPM sudah sedia garis panduan urus gangguan seksual

Alor Setar: Kementerian Pendidikan (KPM) sudah menguatkuasakan garis panduan pengurusan isu salah laku berkaitan gangguan seksual bulan lalu, bagi memastikan tahap keselamatan institusi pendidikan di bawah kementerian sentiasa terjamin.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata disebabkan itu, tindakan tegas mengikut undang-undang di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) adalah usaha kerajaan melindungi golongan terbahit secara lebih berkesan.

"Kita sememangnya komited dengan kenyataan dan peringatan

itu dan di peringkat KPM, kita sudah beri komitmen sepenuhnya (dalam menangani isu gangguan seksual ke atas pelajar).

"Sebab itu saya fikir penting untuk saya memperingatkan bahawa KPM tempoh hari sudah melancarkan garis panduan pengurusan gangguan seksual di peringkat institusi pendidikan.

"Ini menunjukkan kita memandang serius kes pelajar yang menjadi mangsa penderaan seksual," katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Makanan Kesihatan (PROMAK) dan PROMAK Riang Ria Nutri anjuran syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), di Uni-



Keratan akhbar BH, semalam.

versiti Antarabangsa Albukhary (AIU), di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi BERNAS, Datuk Seri Rohani Abdul Karim; Penasihat Khas Yayasan Albukhary, Datuk Seri Abdul Aziz Shahar; Ketua Pegawai Eksekutif BERNAS, Zulkiflee Abdul

Rahman dan Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM, Abdul Muie Ngah.

Mengulas lanjut, Fadhlina berharap kes berkaitan salah laku dan gangguan seksual di institusi pendidikan dapat dinoktahkan melalui pengenalan garis panduan yang perlu dipatuhi setiap warga kementerian berkenaan.


"Ini bukan sekadar garis panduan, tetapi menunjukkan keseriusan kita memastikan isu berkait rapat gangguan seksual ini benar-benar ditangani di peringkat KPM.

"Kita berharap seluruh warga KPM memberi komitmen dalam pelaksanaan garis panduan ini bagi memastikan isu ini dapat

diselesaikan segera," katanya.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi, Datuk Seri Azalina Othman Said, mengumumkan tindakan pendakwaan boleh dikenakan ke atas guru sekolah, jiran dan ahli keluarga kepada kanak-kanak mangsa penderaan seksual sekiranya menyembunyikan kejadian berkenaan.

Tindakan mengikut Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) itu adalah ke atas mereka termasuk orang awam yang gagal melaporkan kejadian menimpa mangsa kepada pihak berkuasa.



TAJUK : NGO SOKONG TINDAKAN TEGAS BANTU BELA NASIB KANAK-KANAK

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 25 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

NGO sokong tindakan tegas bantu bela nasib kanak-kanak

Johor Bahru: Tindakan lebih tegas dan agresif terhadap mereka yang menyembunyi atau gagal melaporkan kes penderaan seksual dalam kalangan kanak-kanak, akan membantu mengurangkan kes sedemikian di negara ini.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut memuji langkah tegas yang mahu diambil kerajaan, namun mereka mahu pelaksanaan dibuat bersungguh-sungguh bagi memastikan mangsa penderaan seksual mendapat pembealaan sewajarnya.


Presiden Pertubuhan Pergerakan Wanita (Jewel) Johor, V Thanam, berkata langkah mendakwa mereka yang gagal melapor dan menyembunyikan kes penderaan seksual itu tepat pada masanya.

Katanya, ia berikutan mangsa iaitu kanak-kanak adalah golongan tidak berdaya mempertahankan diri dan mengharapkan perlindungan dari orang lebih dewasa.

“Pertubuhan kami banyak berhadapan kes-kes sebegini dengan golongan terdekat dengan mangsa enggan tampil membuat laporan kerana malu, aib atau takut dengan persepsi masyarakat terhadap mereka atau reputasi organisasi mereka.

“Kanak-kanak yang didera secara seksual ini menghadapi trauma dan kesan psikologi yang sangat teruk, dengan kelewatan tindakan diambil sudah tentu akan mengakibatkan kesan lebih buruk.

“Akta 792 sudah menggariskan mengenai perkara ini dan sudah tiba masanya untuk pelaksanaan dibuat secara bersungguh-sungguh bagi membela nasib mangsa penderaan seksual,” katanya.



TAJUK : DAH SEMINGGU CATU MAKANAN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



AB Hamid bersama anak dan isterinya di hadapan rumah sewa didiami mereka di Kampung Jaya Setia, Pantai Cahaya Bulan.

Dah seminggu **catu makanan**

Lelaki OKU buntu mahu sara keluarga apabila gagal cari kerja selain sewa rumah tertunggak

Oleh Redzuan
Muharam
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Sudah seminggu kami anak-beranak catu makanan, kalau makan pun sekali sehari saja kerana tak ada apa yang tinggal melainkan beras," luah orang kurang upaya (OKU) fizikal, Ab Hamid Othman.

Ab Hamid, 49, yang tinggal di Kampung Jaya Setia,



Saya boleh bertahan dan berlapar tetapi tak kasihan lihat anak kerana nampak mereka keletihan sangat akibat tahan lapar jadi harap sangat ada pihak membantu kami"

Ab Hamid

Pantai Cahaya Bulan di sini berkata, dia buntu memikirkan bagaimana mendapatkan wang bagi membeli barangan keperluan dan bekalan makanan untuk lima anak berusia lima hingga 18 tahun serta isterinya, Suraya Hasan, 41.

Katanya, ini kerana dia serta isteri tidak bekerja dan hanya bergantung kepada bantuan bulanan sebanyak RM450 sumbangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menurut Ab Hamid, ke-

sempitan wang menyebabkan ada anaknya yang sudah seminggu tidak ke sekolah kerana tiada duit belanja.

"Saya tak bekerja kerana masalah pada tangan kanan. Ada juga minta kerja, namun buat masa ini tak ada majikan mahu ambil kerana faktor kesihatan.

"Isteri pula perlu jaga bapa mentua yang sakit maka tiada pilihan melainkan harap bantuan JKJ. Keadaan ini menyebabkan kami anak-beranak kena

catu makan seminggu lalu," katanya ketika dihubungi Harian Metro.


Lebih membuatkan Ab Hamid rusing apabila sewa rumah didiaminya sekeluarga juga sudah beberapa bulan tertunggak.

"Tuan rumah sudah datang beberapa hari lalu minta sewa. Disebabkan tak ada duit, saya minta dia tempoh.

"Cuma tak tahu sampai bila kami dibenarkan duduk kerana bila-bila masa boleh diusir.

"Saya boleh bertahan dan berlapar, tetapi kasihan lihat anak kerana nampak mereka keletihan sangat akibat tahan lapar jadi harap sangat ada pihak membantu kami," katanya.

Orang ramai yang berhasrat untuk membantu boleh menyalurkan sumbangan mereka ke akaun Maybank 153038891003 atas nama Ab Hamid Othman atau akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) 0310029816476094 atas nama Suraya Hassan.



TAJUK : JIMAT MASA, TENAGA KE SEKOLAH

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 OKT 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Jimat masa, tenaga ke sekolah

SSI sumbang bot 40 kuasa kuda bagi kegunaan murid, 16 guru berulang alik ke SK Sungai Tiang

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

Oleh Muhamad
Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Gerik

Tinggal di kawasan pedalaman dengan akses pengangkutan yang terbatas menyebabkan isu keciciran dalam kalangan murid Orang Asli tidak berkesudahan.

Isu inilah yang dihadapi oleh 150 murid suku Jahai dari Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Tiang, Royal Belum, di sini sejak sekian lama kerana satu-satunya jalan menghubungkan perkampungan mereka ke sekolah, memerlukan anak kecil ini merentasi Sungai Perak sejauh berpuluh kilometer (km), setiap hari.

Menurut Guru Besar SK Sungai Tiang, Mohd Rezal Shuib, terdapat tiga pecahan kampung kecil di penempatan Kampung Sungai Tiang.

"Pertamanya, Kampung Sungai Tiang itu sendiri sebagai penempatan utama, di mana di situ juga terletak SK Sungai Tiang.

"Kedua, Kampung Klewang yang jaraknya dari



PENGERUSI Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Perak Salbiah Mohamed (dua dari kiri) bersama Zulkefli (kiri), Yang Dipertua PIBG Tok Batin Hadi (dua dari kanan), Guru Besar SK Sungai Tiang, Mohd Rezal Shuib (kanan) pada majlis penyerahan sumbangan bot kepada PIBG SK Sungai Tiang.

Kampung Sungai Tiang adalah kira-kira 20km mengikut perkiraan laluan sungai. Murid dari Kampung Klewang akan berulang-alik setiap hari ke Kampung Sungai Tiang menggunakan bot disediakan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (JAKOA).

"Jangkaan masa perjalanan menggunakan bot untuk sampai ke Kampung Sungai Tiang adalah kira-kira 30 minit. Kemudian, murid perlu berjalan kaki kira-kira satu kilometer dari tempat hentian bot ke SK Sungai Tiang dengan anggaran masa perjalanan lebih kurang 10 ke 15 minit,"

katanya. Menurutnya, sebahagian murid di sekolah itu berasal dari Kampung Sungai Kejar yang terletak sejauh 50km dari sekolah dan perjalanan menaiki bot mengahmil masa lebih satu jam.

"Bagi keselamatan murid, wakil guru akan menggunakan bot milik Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Hulu Perak Sungai Tiang ke Kampung Sungai Kejar setiap hari bagi menemani murid.

"Bot untuk pergerakan murid dari Kampung Klewang ke sekolah ditangung dan disediakan sepe-



MURID Orang Asli memanfaatkan bot sumbangan SSI menghargai Sungai Perak untuk ke sekolah dengan diuruskan oleh pihak PIBG. - Gambar NSTP/IHSAN MOHD REZAL SHUIB

nyumbangkan sebuah bot dengan enjin sangkut 40 kuasa kuda bagi kegunaan murid serta 16 guru SK Sungai Tiang. Berkat sumbangan berkenaan, Mohd Rezal berkata, prestasi kehadiran murid ke sekolah terbukti bertambah baik sekaligus mengurangkan kadar keciciran pelajaran dalam kalangan murid Orang Asli.

"Pihak sekolah sangat bersyukur dan berbesar hati atas sumbangan bot yang diberikan SSI kerana itulah kenderaan utama bagi pergerakan di perkampungan dalam Royal Belum ini.

"Tiada akses jalan darat yang boleh dilalui untuk sampai ke kampung dan sekolah, kami hanya bergantung sepenuhnya kepada jalan air.

"Sumbangan bot ini sedikit sebanyak mengurangkan bebanan terhadap guru dan sekolah terutama dari aspek bayaran sewaan bagi pergerakan melibatkan guru dan murid bagi menghadiri program atau pertandingan yang dianjurkan di luar," katanya.

Tambahnya lagi, ia turut mempermudah urusan pihak sekolah terutama ketika berdepan perkara kecemasan dan kadar segera kerana guru dan murid tidak lagi perlu bersusah-payah mencari dan menunggu bot sewaan.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif SSI, Zulkefli Abdullah berkata, pihaknya berasa terpuji untuk membantu murid serta pihak sekolah selepas meneliti kesukaran dihadapi anak Orang Asli bagi mendapatkan akses pendidikan di sekolah dalam kawasan pedalaman itu.

Katanya, bot serta jaket keselamatan dipertanggungjawabkan kepada Peratuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan bagi menguruskan operasi bot dan keselamatan murid, manakala kos petrol ditampung oleh JAKOA.

“Pihak sekolah sangat bersyukur dan berbesar hati atas sumbangan bot oleh SSI Mohd Rezal”



TAJUK : KETUA PEMBANTU TADBIR KEMAS MENGAKU TAK BERSALAH 9 PERTUDUHAN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



NOR Akma mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, Kuala Terengganu, semalam.

Ketua pembantu tadbir Kemas mengaku tak bersalah 9 pertuduhan

Kuala Terengganu: Ketua pembantu tadbir Pusat Latihan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Terengganu mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas sembilan pertuduhan salah guna kuasa membabitkan pembekalan barangan asrama, makan minum dan bahan mentah bernilai lebih RM23,000.

Tertuduh, Nor Akma Abd Ghani, 44, membuat pengakuan itu sebelum mohon dibicarakan selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan jawatannya untuk suapan dengan mengambil tindakan menyokong Borang Pesanan Pembelian bagi perolehan bekalan barangan asrama, dua ru-

mah tamu, perolehan makan minum dan bekalan am yang berjumlah antara RM400 hingga RM6,500.

Tertuduh mempunyai kepentingan memandangkan perniagaan itu adalah milik adik iparnya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Pusat Latihan Kemas Terengganu di Kuala Nerus antara Ogos 2019 hingga Mei 2022.

Tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



TAJUK : PASANGAN SUAMI ISTERI PULA DITAHAN SPRM

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

TERIMA RASUAH CALON UJIAN LESEN MEMANDU

Pasangan suami isteri pula ditahan SPRM

Johor Bahru: Pasangan suami isteri yang juga pengurus pentadbiran dan pengurus pemasaran sebuah pusat lesen memandu yang dipercayai menerima rasuah bagi membantu calon ujian berkomputer lesen memandu lulus dalam ujian berkenaan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, jam 7 petang, kelmarin.


Sumber berkata, lelaki dan wanita berusia 47 serta 43 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Johor, bagi membantu siasatan kes terbabit.

Pasangan terbabit di-

tahan susulan penahanan tiga individu yang turut dipercayai menerima rasuah daripada calon ujian bahagian 1 berkomputer lesen memandu, kelmarin.

Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

Azmi turut mengingatkan, setiap calon wajib menduduki ujian yang mana ia sudah ditetapkan sebagai satu daripada syarat untuk mendapatkan lesen memandu.



TAJUK : PESARA RUGI RM127K, DIPERDAYA 'SCAMMER'

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pesara rugi RM127k diperdaya 'scammer'

Ipoh: Seorang pesara yang kerugian lebih RM127,000 akibat diperdaya sindiket *phone scam* hanya menyedari menjadi mangsa selepas telefon bimbitnya diperiksa anak perempuannya.

Ketua Polis Perak Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, mangsa yang berumur 61 tahun itu berasal dari Kampung Sungai Tapah Tambahan, di sini.

"Dia hanya menyedari diperdaya sindiket terbabit selepas telefon bimbitnya diperiksa anak perempuannya itu.

"Mangsa melakukan tiga transaksi berjumlah RM127,560 ke tiga akaun bank milik individu berlainan antara 9 hingga 10 Oktober lalu," katanya pada kenyataan, semalam.

Mangsa kemudiannya membuat laporan polis berkaitan kejadian pada kelmarin.

Terdahulu, mangsa dihubungi individu yang




Mangsa melakukan tiga transaksi berjumlah RM127,560 ke tiga akaun bank milik individu berlainan"

Mohd Yusri

menyamar sebagai pekerja syarikat kurier pada 25 September lalu kononnya mangsa mempunyai satu bungkusan yang bermasalah.

Seterusnya, panggilan itu kononnya disambungkan kepada 'Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang', sebelum mangsa kemudiannya berurusan dengan anggota berpangkat 'sarjan'.

"Mangsa seterusnya melakukan transaksi seperti diminta suspek. Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.



TAJUK : TAK SEMPAT RAI ULANG TAHUN PERKAHWINAN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



FARIHAH (dua dari kiri) menyampaikan faedah Perkeso kepada Mohd Syawal di Taman Perumahan Kampung Alur Jambu, semalam. - Gambar NSTP/FAIZUL AZLAN RAZAK

ISTERI MAUT NAHAS KETIKA AMBIL ANAK DI SEKOLAH

Tak sempat rai ulang tahun perkahwinan

Oleh Faizul Azlan Razak
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

“Arwah seorang yang pendiam namun dua hari sebelum kejadian arwah kurang bercakap dengan saya. Lebih menyedihkan kemalangan berlaku sehari sebelum ulang tahun perkahwinan kami yang ke-11,” kata Mohd Syawal Arifin@Abd Rahman, 34. Mohd Syawal ialah suami kepada Allahyarhamah Nor Faizuamee Zulkifli, 37, yang maut dalam kemalangan dengan sebuah kereta pelbagai guna (MPV) di Bandar Baru, di sini, pada 16 Oktober lalu. Akibat kemalangan kira-kira jam 5 petang itu, suri rumah terabit yang menunggang motosikal maut di tempat kejadian.

Bapa kepada tiga anak itu berkata, arwah isterinya dalam perjalanan mahu mengambil anak sulung mereka di Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Air, Tepuh.

“Kami tinggal di Kampung Bukit Berangan, Tepuh dan pada hari kejadian arwah isteri berada di rumah keluarganya di Taman Perumahan Kampung Alur Jambu, di sini. “Memang menjadi rutin harian arwah isteri menghantar dan mengambil anak di sekolah. Ketika kejadian saya berada di tempat kerja dan bergegas ke tempat kejadian sebaik dimaklumkan berhubung kemalangan yang menimpa isteri,” katanya.

Terdahulu, Mohd Syawal

dikunjungi Skwad Prihatin Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Terengganu yang menyampaikan faedah Perkeso kepada waris di rumah keluarga Allahyarhamah Nor Faizuamee di Taman Perumahan Kampung Alur Jambu, di sini, semalam.

Majlis penyampaian faedah Perkeso kepada waris disampaikan Pengarah Perkeso Terengganu, Farihah Che Husin. Mohd Syawal yang bekerja sebagai pemandu lori berkata, kehilangan arwah isteri begitu dirasai namun reda dengan ketentuan Allah dan akan membesarkan anak-anak dengan sebaik mungkin.

Menurutnya, buat masa sekarang, dua anak, Mu-

hammad Firash Ammar, 9, Muhammad Faris Amsyar, 6, tinggal bersamanya manakala Nur Falisha Adlyna, 2, tinggal bersama mentua.

“Saya bersyukur dengan ada Faedah Pencen Penakat secara bulanan ini sedikit sebanyak meringankan beban membesarkan anak-anak,” katanya.

Sementara itu, Farihah berkata, waris layak menerima Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM2,000 yang sudah dibayar terus ke akaun suami pada 22 Oktober lalu.

“Malah suami arwah akan turut menerima Faedah Pencen Penakat berbentuk Pencen Bulanan untuk seumur hidup manakala anak-anak yang berusia bawah 21 tahun turut akan menerima pencen bulanan sehingga mereka berusia 21 tahun atau bukannya lagi di bawah tanggungan,” katanya.

“
Kehilangan
arwah isteri
begitu dirasai
namun reda
Mohd Syawal



TAJUK : MAN FACES MURDER RAP OVER BOY'S DEATH

HARI : RABU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 25 OKT 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

GIRLFRIEND'S SON

Man faces murder rap over boy's death

PARIT BUNTAR: A contract worker was charged in the magistrate's court here yesterday with the murder of his girlfriend's 2-year-old son in Bagan Serai two weeks ago.

No plea was recorded from Muhammad Haziq Mustapa, 26, after the charge was read out before magistrate Muhammad Syai-ful Akmal Mohamad Razi as the case is under the jurisdiction of the High Court.

According to the charge sheet, the widower allegedly murdered Ayyash Aulian Muhammad Faizul at a house in Taman Serai Permai, Bagan Serai, sometime

between Oct 11 and 13.

The accused was charged under Section 302 of the Penal Code, which carries the death penalty.

Prosecuting officer Inspector M. Saravanan prosecuted, while the accused was not represented.

The court set Jan 30 next year for mention pending chemistry and post-mortem reports.

It was reported on Oct 15 that police arrested a 26-year-old widower and his parents, aged 57 and 62, after a boy under their care died of severe injuries in Bagan Serai on Oct 13. His body also had burn marks.

Bagan Serai police chief Superintendent Juna Yusoff had said the victim, believed to be the child of a neighbour, was found unconscious by the widower's parents, who later sent the child to a clinic in Bagan Serai.

Upon reaching the clinic, the victim was declared dead.

According to the post-mortem report from Raja Permaisuri Bainun Hospital in Ipoh, the boy had died of injuries to his head, caused by a blunt object, while there were injuries all over the body and burn marks caused by a hot object.



TAJUK : **MINISTRY ENSURES NO VETERAN LEFT BEHIND**

HARI : **RABU**

AKHBAR : **NEW STRAITS TIMES**

TARIKH : **25 OKT 2023**

M/SURAT : **07**

STONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

WELFARE ASSISTANCE

Ministry ensures no veteran left behind

KUALA LUMPUR: The Defence Ministry (Mindef) is committed to caring for the welfare of former armed forces members, ensuring that no veteran is left behind, irrespective of their service.

A total of 18,786 veterans, both pensioners and non-pensioners, are receiving the Bantuan Sara Hidup (BSH) assistance of RM300 per month, amounting to RM67.6 million.

Those with illnesses are also receiving assistance for medical treatment and purchase of health-care equipment.

During a *Peduli Veteran* programme by the Kuala Lumpur and Selangor Veterans Affairs Department (JHEV), some officials of the department visited ex-servicemen Lim Kim Yoo and Subramaniam Muthusamy.

Lim, 77, who served 12 years in the Royal Malaysian Navy, was bedridden after becoming a victim of a hit-and-run this year near his home in Taman Daya, Kepong, here.

His wife, Lian Hua, 70, said her husband had just finished a catch-up session over breakfast with his retired army friends at a restaurant

when the incident occurred.

Recalling the ordeal, the mother-of-four said the family was unaware of Lim's condition until police arrived at their house.

"A vehicle hit him when he was walking towards his car at a roadside. However, the perpetrator did not stop to check on his condition.

"My husband was paralysed after the accident and I have been caring for him ever since.

"Now, he cannot eat solid food and must rely on milk that is fed through a feeding tube," she told the *New Straits Times* and visiting Mindef officers.

Lim was not entitled to a pension as he served slightly more than 10 years only in the armed forces. He had to resign early to care for his wife in the 1970s, when she was pregnant with their third child.

JHEV director Commander Azahar Ngah Ahmad, who was listening to her story, said Lim was still eligible for other forms of assistance.

"One of them is that we can provide a new bed with multiple functions to assist Lim, as well as adult diapers and milk.

"The family can apply to the de-



JHEV director Commander Azahar Ngah Ahmad presenting aid to Subramaniam Muthusamy (third from left) during a 'Peduli Veteran' visit recently. PIX BY HAIRUL ANUAR RAHIM

partment with adequate information, including a doctor's letter on which type of milk that is suitable for him.

"He is also receiving the Bantuan Sara Hidup (BSH), which is a monthly aid of RM300."

He also urged all veterans to register into any association under Mindef to facilitate the distribution of aid for them.

Meanwhile, Subramaniam, 87, was eager to show off his medals and pictures when old friends and JHEV officers dropped by his home.

He was also a part of the group that went on a peacekeeping mission to Congo in 1960.


His eldest son, Mohan Subramaniam, said his father had always been proud to share his stories with visitors.



JHEV director Commander Azahar Ngah Ahmad presenting aid to navy veteran Lim Kim Yoo through his wife, Lian Hua.

"He also fought the communists in Raub, Pahang, and was chosen to hold the *Cokmar* during the coronation of the first Yang di-Pertuan Agong in 1957.

"I like to thank the Defence Ministry and JHEV director for visiting my father and assisting all veterans, who once served the country and kept the people safe," he said.



TAJUK : ASSOCIATION MEMBER RECEIVES AID FOR YOUNG DAUGHTER BORN WITH HEART CONDITION

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 25 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Su Hung presents (second right) presents the contribution to the child's father, as Saw (second left) and others look on.

Association member receives aid for young daughter born with heart condition

KAPIT: A group from Kapit Chiang Chuan Association recently presented a cash contribution to a member whose daughter is suffering from a congenital heart condition.

Association chairman Peter Saw said the assistance is to help ease the burden of their member.

